

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA SEBARAN AM MENGGUNAKAN PENGARUHNYA YANG KUAT SECARA MEMBINA BAGI FAEDAH NEGARA.

BERUCAP MERESMIKAN SEMINAR SIBARAN AM DISINI, BELIAU BERKATA, SIBARAN AM MEMPUNYAI KUASA BESAR YANG DAPAT MENYATUKAN PENGARUH, MEMBENTUK PENDAPAT ORANGRAMAI DAN MELAKUKAN PERUBAHAN MASYARAKAT.

SEMINAR TERSEBUT BERTAJUK +KONSEP BARU DALAM PEMBANGUNAN PERHUBUNGAN+ SELAMA DUA HARI DIANJURKAN OLEH PUSAT PENGAJIAN PERHUBUNGAN AM INSTITIUT TEKNOLOGI MARA DAN DIHADIRI OLEH 50 PESERTA DARI JABATAN KERAJAAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA.

DR. MAHATHIR MENINGGATKAN MEREKA DALAM BIDANG SIBARAN 'AM JANGAN MENYALAHGUNAKAN KUASA TERSEBUT.

BELIAU MENSIFATKAN ALAT SIBARAN AM SEBAGAI SENJATA PENTING YANG PERLU DIGUNAKAN SECARA MEMBINA SAMA SEPERTI SEORANG DOKTOR MENGGUNAKAN PISAU BEDAH UNTUK MERAWAT DAN BUKAN MEMBUNUH PESAKIT.

BELIAU MENGECEM PIHAK-PIHAK SIBARAN AM TERTENTU KERANA MEMBERIKAN LAPURAN YANG SALAH DAN TITAK MAHU MENERIMA TEGURAN.

-- BERNAMA 1354/S2

620:

PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN RAJA NASRON ISHAK (BN-KUALA SELANGOR), MENTERI PELAJARAN MENEGASKAN CALUN-CALUN YANG DIPILIH MASUK KE UNIVERSITI BERDASARKAN KELAYAKAN MASING-MASING.

ANGGOTA KUALA SELANGOR ITU MEMINTA DR. MAHATHIR MENERANGKAN KRETERIA DALAM MEMILIH CALUN-CALUN MASUK KE UNIVERSITI TEMPATAN.

BELIAU BERTANYA APAKAH MENTERI SEDAR ADA BEBERAPA CALUN YANG MEMPUNYAI KELULUSAN PELAJARAN YANG LEBIH BAIK TETAPI TIDAK DIBERI TEMPAT.

DR. MAHATHIR BERKATA KEMENTERIAN TELAH MEMPASTIKAN BAHAWA DALAM URUSAN KEMASUKAN KE UNIVERSITI TAHUN INI TATACARA YANG ADIL DAN SAKSAMA DIKUTI DENGAN MEMBERI NILAIAN BUKAN SAJA KEPADA KELULUSAN, TETAPI JUGA KEPADA KURSUS DAN LATARBEKANG CALUN.

KERANA ITU, KATA NYA, ADA CALUN-CALUN YANG SAMA KELULUSAN ATAU BEKANG BAKI TETAPI DIBERI TEMPAT. -- BERNAMA 1640/20M

590:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA 548)

BERHUBUNG DENGAN KEMPEN MENENTANG PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH TERDAPAT BANYAK LAPURAN YANG SALAH MENGENAINYA HINGGA SUKAR UNTUK DIBETULKAN.

PENYALAHGUNAAN DADAH ADALAH SALAH SATU MASAALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA DAN BANYAK MASAALAH LAIN JIKA LAPURKAN DENGAN CARA YANG SALAH BOLEH MEROSAKKAN NEGARA.

+MEMANDANGKAN HAL TERSEBUT KITA PERLU BENAR-BENAR TELITI TERHADAP PERANAN PERHUBUNGAN AM DI NEGARA INI,+ KATA BELIAU. - BERNAMA 1605/2B